

Pembelajaran Kefahaman Mendengar Menggunakan Podcast

Haryati Surana
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura dan
Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Rendah West View

Nota berkenaan Penulis

Haryati Surana, Ketua Subjek, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Rendah West View & Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura

Untuk segala keterangan berkenaan kertas kerja ini, sila hubungi Haryati Surana, Ketua Subjek, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Rendah West View, 31 Senja Road, Singapore 677742

Sila hubungi: haryati_surana@moe.edu.sg

ABSTRAK

Kemahiran mendengar adalah satu kemahiran yang penting dalam komunikasi yang berkesan. Oleh itu, pelbagai usaha harus dijalankan bagi mempertingkatkan kemahiran mendengar murid. Menerusi kajian ini, murid-murid bukan sahaja diharapkan dapat mengingat apa yang didengari tetapi juga membantu mereka memahami apa yang diperdengarkan. Dalam kajian ini, murid dikehendaki mendengar dan memahami teks termasuklah teks berkaitan dengan temu ramah, informasi terkini, dialog dan lagu-lagu. Bagi tujuan kajian, pembelajaran kefahaman mendengar dijalankan dengan menggunakan podcast. Subjek bagi kajian ini ialah murid-murid Darjah 5 dan 6. Media yang digunakan ialah podcast melalui siaran radio Warna 94.2FM yang boleh dilungsuri melalui laman http://www.podcast.sg.942_dilema.asp. Lelaman ini dipilih bagi tujuan kajian kerana laman ini mengetengahkan isu-isu sosial, kekeluargaan dan kemasyarakatan yang dapat difahami dan dibincangkan oleh murid-murid. Antara program yang boleh diikuti di laman ini ialah program Dilema, Pelita, Paradigma dan Bimbingan. Menerusi kajian ini juga, nilai-nilai yang berhubung rapat dengan masyarakat dapat diterapkan. Penggunaan podcast daripada media tersebut memberikan informasi terkini kepada murid-murid. Selain daripada itu, murid-murid juga berpeluang merakam podcast mereka sendiri berdasarkan berita-berita terkini dalam akhbar Berita Harian. Dengan memperdengarkan contohan temu ramah atau dialog dalam podcast, murid-murid diperlukan untuk membuat lembaran kerja secara berperingkat. Lembaran kerja ini dilakukan untuk membolehkan murid mengenali idea utama atau penerangan penting dalam topik tersebut. Selepas itu, murid akan berbincang dengan guru akan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanyakan guru. Kajian ini menunjukkan bahawa prestasi murid telah meningkat dari segi pembelajaran dalam kefahaman mendengar. Murid dapat mendengar dan memahami apa yang didengar. Selain itu, penggunaan bahasa dan pengetahuan am murid juga telah berkembang. Murid didapati mengetahui tentang hal ehwal dalam negeri. Melalui pendekatan ini, topik-topik yang dipilih juga dapat menjadi bahan perbincangan. Hal ini juga dapat meningkatkan pertuturan murid. Hasil kegiatan ini telah dipantau dan terbukti berkesan dalam membimbing murid-murid menghadapi peperiksaan. Secara tidak langsung podcast telah menolong murid mencapai markah yang baik dalam peperiksaan.

Keyword: Kefahaman Mendengar, Podcast, Stimulasi,

Pendahuluan

Membina kemahiran mendengar dalam kalangan murid-murid merupakan satu cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kemahiran mendengar membolehkan seseorang murid mendengar dan memahami pengucapan dengan teliti yang berkaitan dengan diri dan masyarakatnya dalam situasi formal dan tidak formal dan memberikan tindak balas atau respons yang wajar. Selain itu, murid-murid yang mempunyai penguasaan kemahiran mendengar yang baik akan membolehkan mereka memahami maklumat yang didengar dengan lebih efektif dan tepat.

Program ini dijalankan di peringkat Darjah 5 dan Darjah 6 kerana peringkat ini memerlukan pendedahan dalam pedagogi yang berlainan untuk mencapai keputusan yang memuaskan dalam peperiksaan. Penyampaian kertas kerja ini merupakan usaha untuk berkongsi pengalaman dan dapat kajian bagi menggarap kerjasama yang berkesan dengan pihak-pihak yang berminat untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Kefahaman Mendengar.

Tujuan Kajian

Tujuan pembelajaran 'kefahaman mendengar melalui podcast' ini adalah untuk mempertingkatkan kemahiran mendengar murid-murid. Murid-murid bukan sahaja mendengar sebuah petikan, mereka juga dapat memahami apa yang diperdengarkan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti sejauh manakah keberkesanan penggunaan 'podcast' dalam pengajaran kefahaman mendengar di sekolah. Penggunaan strategi ini diharapkan akan meningkatkan prestasi murid-murid dalam kefahaman mendengar.

Permasalahan

Sebelum pembelajaran 'kefahaman mendengar melalui podcast' ini dijalankan, beberapa teknik telah digunakan untuk mengasah kemahiran mendengar murid. Antara teknik yang telah digunakan ialah teknik latih tubi dalam pembelajaran

kefahaman mendengar. Teknik latih tubi selalunya dilakukan dengan menyediakan seberapa banyak latihan kefahaman mendengar dan seterusnya memainkan teks petikan mendengar secara audio dan murid diminta untuk mengisi jawapan kepada soalan-soalan kefahaman yang disediakan guru berdasarkan teks petikan yang diperdengarkan.

Semasa menjalankan aktiviti mendengar klip audio teks bagi kefahaman, guru biasanya menggunakan teknik latih tubi. Teknik ini adalah aktiviti pengulangan kecekapan yang dipelajari. Tujuannya adalah untuk membantu murid mencapai satu tahap penguasaan kemahiran seperti kemahiran mengecam dan mengenal pasti fakta-fakta penting dengan menandakan dengan pena penyerlah (highlighter) kata kunci soalan kefahaman mendengar yang diberikan. Melalui teknik ini, murid-murid akan mengalami proses mendengar, memikirkan maksud perkataan dan memahami kehendak soalan. Dalam perkataan lain, murid-murid melalui latihan memahami soalan dan memberikan jawapan yang wajar mengikut kehendak soalan.

Bahan yang kami gunakan adalah kertas ujian atau peperiksaan kefahaman mendengar tahun-tahun yang lalu. Teknik ini dijalankan sebelum peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun sahaja.

Apa yang kami dapati daripada teknik ini adalah keputusan peperiksaan komponen kefahaman mendengar masih lemah dan tidak memuaskan. Kami dapati bahawa murid-murid tidak tahu menggarap idea utama yang ingin disampaikan melalui pendengaran. Mereka hanya mendengar tanpa memahami teks. Murid-murid juga tidak memahami apa yang dikehendaki oleh soalan daripada teks.

Guru mendapati bahawa murid-murid juga tidak memahami mengapa mereka harus mengambil peperiksaan kefahaman mendengar. Ada murid yang hanya mendengar dengan tidak menghayati teks semasa latihan kefahaman mendengar ini dijalankan di bilik darjah. Murid tidak berasa seronok mengikuti aktiviti pembelajaran yang tidak pelbagai, apatah lagi apabila terpaksa menduduki kertas peperiksaan kefahaman mendengar.

Persekitaran yang menyeronokkan amat penting untuk mencapai objektif pembelajaran. Suasana yang seronok boleh menerbitkan persekitaran yang positif dan pelajar akan lebih bersikap terbuka. Maka, guru memanfaatkan teknologi yang sedia ada di sekolah demi mempertingkatkan kemahiran murid-murid. Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan dan perkembangan dalam bidang teknologi

maklumat (ICT) menjadikan ilmu lebih mudah diterima murid-murid. Hal ini menjadi satu daya tarikan ke arah mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik.

Kajian Lepas

Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran sering diwar-warkan keberkesannya. Namun, menurut Harris dan Sungmin (2008), podcast sebagai alat bantu mengajar masih dianggap baharu. Podcast mengandungi unsur rakaman audio atau video yang boleh dimuat turun langsung ke komputer. Kemampuannya untuk dimudah alih ke alat media lain seperti komputer, ipod, ipad dan sebagainya menyediakan peluang pembelajaran tidak kira masa dan tempat. Podcast memiliki potensi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Kajian lain yang dijalankan mengenai penggunaan podcast bagi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa podcast mampu membina pembelajaran kolaboratif dan meluaskan jaringan kerjasama (Ractham dan Zhang, 2006). Huann dan Thong (2006) mendapati bahawa kemahiran penting seperti komunikasi, pengurusan masa, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal dibina semasa proses pengeluaran atau pembinaan podcast itu sendiri. Sementara Lane (2006) pula mendapati bahawa podcast membantu pemahaman terhadap bahan yang diberikan dalam kelas.

Steve Lonn dan Staphanie (2009) mendapati penggunaan podcast biasanya digunakan untuk tujuan menyemak konsep dan isu yang disampaikan guru atau pensyarah dalam pelajaran terdahulu. Beliau mendapati podcast membantu pengajaran berbanding cara tradisional. Podcast membolehkan guru menukar pengajaran bersemuka kepada pembelajaran yang lebih kostruktif.

Walaupun penggunaan podcast masih dianggap baharu, namun podcast mempunyai potensi untuk digunakan bagi merangsang pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah Kajian

Teknik pembelajaran berbantuan teknologi adalah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi untuk meningkatkan kecekapan. Ertinya, teknologi digunakan untuk mengasah kemahiran seseorang murid. Dalam hal ini, teknologi yang digunakan ialah podcast.

Podcast telah dipilih untuk digunakan bagi tujuan kajian ini kerana podcast adalah satu alat teknologi yang boleh menarik perhatian murid-murid. Tambahan pula, pengkaji yakin bahawa penggunaan podcast dapat memastikan bahawa bahan yang akan digunakan dapat mencapai hasil pembelajaran atau objektif pembelajaran yang diinginkan.

Dalam kajian ini keberkesanan penggunaan pembelajaran berbantuan teknologi dalam pembelajaran ini diteliti dan dibincangkan. Semua aspek pengajaran dan pembelajaran diteliti seperti aspek isi, tujuan, kesesuaian, kaedah penggunaan, kualiti dan kos sesuatu alat bantu mengajar dibincangkan secara terperinci untuk memastikan usaha yang dilakukan meraih manfaat yang diharapkan.

Pemilihan dan penggunaan ICT sebagai alat aplikasi berdasarkan prinsip bahawa alat bantu mengajar ini akan membantu murid melaksanakan tugas pembelajaran dan bukan digunakan semata-mata sebagai mekanisme penyaluran maklumat. Penggunaan ICT diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membolehkan murid dan guru menghantar, menerima dan berkongsi maklumat yang pelbagai bentuk seperti teks, grafik, audio dan video.

Teknik Simulasi

Dalam kajian ini, teknik simulasi turut digunakan. Teknik ini memberi peluang kepada murid untuk menjalankan aktiviti yang hampir sama dengan aktiviti sebenar yang akan dilakukan oleh pelajar. Melalui teknik ini, para pelajar dapat menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, mendengar temu ramah dan mencatat isi-isi penting. Dalam proses pembelajaran ini pelajar digalakkan untuk memberi pendapat dan cadangan. Hal ini penting kerana penggunaan ICT sememangnya membolehkan pelajar memberi dan menjana pendapat dan cadangan. Hal ini bukan sahaja membantu pelajar untuk berfikir tetapi sekaligus menggunakan bahasa dalam menyampaikan idea dan pandangan masing-masing. Melalui teknik ini, pelbagai kemahiran dapat digabungkan dan dipertingkatkan terutamanya dalam kemahiran lisan. Proses pembelajaran sebegini juga dapat mewujudkan pelbagai peluang bagi guru merancang pelbagai aktiviti menarik yang menjadi sumber motivasi kepada pelajar untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyelidikan turut serta

Setelah mengambil kira dan meneliti segala kemungkinan, podcast telah dipilih sebagai alat ICT yang akan digunakan bagi tujuan kajian. Media yang digunakan adalah podcast melalui radio Warna 94.2FM, melalui laman http://www.podcast.sg/942_dilema.asp. Lelaman ini dipilih kerana laman ini menyetengahkan isu-isu sosial, kekeluargaan dan kemasyarakatan, contohnya, rancangan-rancangan Dilema, Pelita, Paragdima dan Bimbingan. Dengan mendedahkan pelajar kepada pelbagai contoh dan program dalam bentuk podcast, diharapkan penerapan nilai-nilai murni yang berhubung rapat dengan masyarakat dapat dilaksanakan. Pendedahan kepada pelbagai program dan isu dalam podcast yang diberikan telah memberikan informasi terkini kepada murid-murid. Murid lebih terdedah dan sedar akan perkara atau isu yang dialami oleh masyarakat.

Selain daripada itu, usaha menggunakan podcast ini adalah penambahan dalam teknik mengajar kefahaman mendengar. Jika sebelum ini kemahiran mendengar murid dilatih dengan menggunakan CD yang mengandungi teks petikan yang telah dirakam, kini guru hanya perlu menukar alat bahan mendengar dari CD ke podcast. Jika mendengar teks petikan menerusi CD dianggap membosankan oleh pelajar, mendengar teks petikan melalui podcast tidak dianggap demikian walaupun pada asasnya pelajar mendengar informasi berbentuk audio.

Dalam kajian ini, murid-murid diperdengarkan teks temu ramah atau dialog dalam podcast yang telah dipilih guru sebanyak 2 kali. Jangka masa yang diperdengarkan hanyalah 3 minit atau 5 minit sahaja. Setelah itu, murid-murid akan mengisi tempat kosong. Tempat kosong itu adalah idea utama atau penerangan penting dalam topik yang didengar oleh murid. Selepas itu guru akan berbincang jawapan bersama murid-murid.

Semasa menggunakan podcast sebagai bahan dan alat mengajar, beberapa keprihatinan diketengahkan. Guru mendapati bahawa penggunaan sebutan baku tidak tekal digunakan dalam podcast yang diperdengarkan kepada murid. Pengacara radio didapati menggunakan sebutan baku secara agak tekal atau konsisten semasa menemuramah tetamu yang diundang. Namun, tetamu yang diundang bagi acara temu ramah itu tidak menggunakan sebutan baku semasa menyampaikan respons ketika diwawancara atau ditemubual. Selain daripada itu, teks yang diperdengarkan juga agak terlalu cepat. Ada kalanya didapati bahawa kosa kata yang digunakan oleh pengacara radio dan tetamu yang diundang agak

tinggi. Ada di antara murid-murid Darjah 6 tidak dapat mengikuti atau memahami sepenuhnya teks audio yang diketengahkan dalam bentuk podcast.

Bagi memastikan kesesuaian bahan, beberapa penyesuaian telah dijalankan. Pengubahsuaian dalam teks bacaan telah dilakukan bagi memastikan kesesuaian dan kerelengan kosa kata dan petikan bagi para pelajar yang terlibat. Guru membina petikan dialog yang sesuai dan murid-murid Darjah 5 melakonkan dialog yang dibina dan disediakan oleh guru. Lakonan yang telah dirakam ini menggunakan podcast. Proses merakam dialog atau skrip ini memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama semasa menyelesaikan tugas atau lakonan. Hal ini memberi peluang kepada murid untuk melakukan tugas secara kolaboratif.

Selain daripada mendengar petikan drama yang dilakonkan, murid-murid yang terlibat dalam kajian ini juga berpeluang mendengar nyanyian lagu dalam bentuk podcast. Lagu-lagu yang dipilih ini memberi peluang kepada murid untuk memahami dan mempelajari kosa kata yang baharu. Semasa mendengar lagu, murid dikehendaki mengisi lirik lagu dalam kertas tugas yang disediakan oleh guru. Secara tidak langsung, pelajar mempelajari kosa kata dan cuba memahami makna dan cerita yang terkandung dalam lagu yang diperdengarkan. Ini merupakan peluang pembelajaran secara autentik yang dilalui oleh murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.

Latihan atau aktiviti ini dijalankan setiap dua minggu sekali. Semasa waktu peperiksaan, aktiviti atau latihan ini tidak dijalankan. Guru menerapkan aktiviti ini dalam perancangan kurikulum. Setiap sesi pembelajaran melibatkan penggunaan podcast hanya memakan masa selama 30 minit sahaja.

Perubahan kepada keberkesanan

Setelah menggunakan teknik ini murid-murid didapati lebih teruja untuk melakukan aktiviti pembelajaran kefahaman mendengar. Mereka mendapati bahawa pembelajaran kefahaman mendengar menggunakan kaedah podcast lebih menyeronokkan. Pendekatan menggunakan podcast didapati tidaklah terlalu formal. Hal ini menyebabkan murid tidak terasa tertekan berbanding menggunakan CD sebelum ini. Markah keputusan peperiksaan kefahaman mendengar murid-murid juga telah meningkat.

Topik-topik yang dipilih dalam laluan yang digunakan agak luas. Topik-topik yang

disentuh termasuklah isu sosial, kekeluargaan dan kemasyarakatan. Dengan pendedahan kepada isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat, pelajar lebih sedar dan faham keadaan yang menimpa masyarakat mereka sendiri. Isu-isu masyarakat yang diketengahkan telah memberikan informasi terkini kepada murid-murid.

Dapatan Kajian

Di bawah ini adalah peratusan keputusan murid-murid yang menjalani peperiksaan kefahaman mendengar tanpa berbantuan teknologi ini. Ujian kefahaman mendengar ini dijalankan pada bulan Februari tahun 2009.

Jadual 1: Markah Murid Sebelum Menggunakan Teknik Podcast

Markah	Peratusan	Bilangan murid
20- 16	2.54%	2
15- 10	74.68%	59
9- 0	22.78%	18
Jumlah	100%	79

Jadual 2: Markah Murid Setelah Menjalankan Teknik Menggunakan Podcast

Markah	Peratusan	Bilangan murid
20- 16	8.86%	7
15- 10	82.28%	65
9- 0	8.86%	7
Jumlah	100%	79

Daripada data yang dibentangkan, jelas bahawa penggunaan podcast dalam mengasah kemahiran mendengar murid adalah berkesan. Penggunaan podcast membantu murid mencapai markah yang lebih tinggi dan lebih ramai murid yang lulus dengan markah yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan podcast dapat menarik minat murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran kefahaman mendengar. Berbanding dengan penggunaan CD untuk mengasah kemahiran mendengar murid, penggunaan podcast membina keinginan murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dengan rasa

seronok. Selain itu, pendekatan ini juga membantu murid untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam ujian kefahaman mendengar.

Teknik pengajaran yang digunakan sesuai dengan perkembangan diri dan kebolehan murid-murid. Pendekatan ini didapati menarik oleh murid-murid, memberi kesan dan bermakna pada pembelajaran yang dilalui. Dalam menggunakan teknik ini, guru dapat boleh membuat penyesuaian mengikut kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat murid-murid. Teknik ini memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui teknik ini beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak dan cara ini juga dapat mengelakkan rasa bosan dalam proses pembelajaran. Selain itu, murid lebih bekerjasama dan belajar secara kolaboratif semasa menjalankan aktiviti yang dirancang.

Secara amnya, program ini membolehkan murid-murid menguasai beberapa kemahiran serentak dengan lebih bermakna dan mengelakkan rasa bosan dan menimbulkan suasana yang lebih menarik pada murid-murid. Selain itu, penggunaan podcast juga menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.

Rujukan

- Austin, R, Smyth J., Rickard, A, Quirk-Bolt, N., and Metcalfe N., (2010)
“Collaborative digital learning in schools: teacher perceptions of purpose and effectiveness. *Technology, Pedagogy and Education*. 19 (3), 327-343.
- Ayoun, D., & Salaberry, M. Rafeal. (2008) “Acquisition of English tense-aspect morphology by advanced French instructed learners”. *Language Learning – A Journal of Research in Language Studies*. 58 (3)
- Bauman, R., & Sherzer, J., (1974). *Exploring in the Ethnography of Speaking*. London: Cambridge University Press.
- Bloom, Lois & Lahey, Margaret. (1978). *Language Development and Language Disorders*. New York: John Wiley and Sons.
- Donna McLean & Eva Roa White (2009) Two Approaches to Podcasting Use in the Classroom, MERLOT Journal of Online Learning and Teaching. Vol. 5, No. 2, June 2009

- Horward Harris dan Sungmin Park (2008), Educational Usages of Podcast, British Journal of Educational Technolugu, Vol 39, No.3, 548-551.
- Huann, T. Y., and Thong, M.K. (2006) Audioblogging and Podcasting in Education. *Edublog.net* Available from:
<http://edublog.net/astinus/mt/files/docs/Literature%20Review%20on%20audio%20blogging%20and%20podcasting.pdf> [Accessed 28 August 2007]
- Kirkwood, A. & Price, L. (2005) Learners and learning in the twenty-first century: what do we know about students' attitude towards and experiences of information and communication technologies that will help us design courses? *Studies in Higher Education*, 30, 257-274
- Lane, C. (2006) *UW Podcasting: Evaluation of Year One* [online]. University of Washington. Available from:
http://catalyst.washington.edu/research_development/papers/2006/podcasting_year1.pdf
- Rachtham, P. and Zhang, X. (2006) Podcasting in academia – a new knowledge management paradigm within academic settings. *SIGMIS-CPR '06*, April 13-15
- Steve Lonn & Stephanie D. Teasly (2009) Podcasting in higher education: What are the implication for teaching and learning? School of Education and USE Lab, Digital Media Common, University of Michigan, USA.